

09/10/2014 - Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

YBhg. Datuk Wira Omar Kaseh

Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan
Malaysia (MAMPU).

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin Haji Munawi

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

YBhg. Dato' Asmawi Kasbi

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Yang Berhormat
Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Yang diraikan barisan pemenang Anugerah Inovasi Sektor Awam.

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia dari-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun dalam Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Tahun 2014. Saya difahamkan majlis pada hari ini dianjurkan secara usahasama di antara Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) bersama Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor serta Majlis Perbandaran Subang Jaya, Selangor yang bertindak sebagai tuan rumah bagi tahun ini.
2. Sesungguhnya, penganjuran majlis seumpama ini bukan sahaja mencerminkan permuafakatan yang erat, tetapi kerjasama ini secara tidak langsung menunjukkan semangat kekitaan di antara kita semua dalam dalam melaksanakan majlis yang berimpak tinggi, sejajar dengan semangat Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

SEKTOR AWAM AGEN INOVASI SOSIAL NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. **“Melestarikan Inovasi, Memartabatkan Transformasi”** telah dipilih sebagai tema Anugerah Inovasi Sektor Awam bagi tahun ini. Tema ini adalah amat bertepatan dalam meneruskan momentum penghasilan dan perkembangan inovasi di samping memartabatkan agenda transformasi negara.

4. Tema ini juga adalah seiring dengan harapan Perdana Menteri kita YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak di mana semasa Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014 baru-baru ini, beliau telah menyentuh mengenai pendekatan inovasi sosial atau *social innovation*. *Social innovation is a novel solution to a social problem that is more effective, efficient, sustainable, or just better than present solutions and for which the value created, accrues primarily to society as a whole rather than private individuals. Social Innovation focuses attention on the ideas and solutions that create social value — as well as the processes through which they are generated, not just the individuals and organisations.*
**Definition and source from Stanford Graduate School of Business.*

5. Selaras dengan harapan itu, agensi sektor awam seharusnya terus bergiat aktif dalam mencipta, melaksana atau membahaskan pelbagai idea mahupun produk yang baharu, bagi terus memartabatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih berkesan dan berimpak tinggi. Pendekatan inovasi sosial ini seharusnya diperluaskan dan difahami seiring dengan kehendak dan harapan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

PEMERKASAAN UNIT INOVASI DI AGENSI KERAJAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Sebagaimana kita sedia maklum, Unit Inovasi telah disaran ditubuhkan di setiap agensi Kerajaan bagi memandu dan menyelaraskan setiap program pembentukan dan penghasilan inovasi. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agensi-agensi Kerajaan agar terus memperkasa Unit Inovasi masing-masing dengan pelbagai strategi dan pendekatan baharu secara berterusan dan bersepadu.

7. Sesungguhnya setiap langkah pembentukan dan penghasilan inovasi boleh dipraktikkan dengan strategi-strategi masa kini yang berfokuskan kepada nilai tinggi (high value), berkos rendah (low cost) serta mempunyai nilai tambah (value added) yang baik dan berkesan. Strategi-strategi yang dimaksudkan ini adalah seperti *crowd sourcing*, *participatory decision making*, *co-production* atau *co-design* yang mementingkan penyertaan daripada kumpulan sasaran (*focus group*) mahupun penglibatan sesuatu komuniti. Ini adalah bagi memastikan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan adalah efisien, efektif dan seiring dengan kehendak dan keperluan rakyat.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM SECARA INOVASI BERKOLABORASI

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Dalam usaha memacu agenda transformasi negara, kita tidak boleh bekerja secara bersendirian malah perlu mengembleng tenaga secara bersama. Ini adalah sejajar dengan **konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam yakni prinsip kekitaan** yang memfokuskan kepada jalinan strategik dan kerjasama merentasi agensi melalui pendekatan **inovasi berkolaborasi** atau *collaborative innovation*. Pendekatan ini bukan sahaja untuk menghasilkan inisiatif yang berimpak tinggi sahaja tetapi ia adalah bagi memastikan **barisan penjawat awam** dapat mengemudi negara sebagai **sebuah pasukan** dalam mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
9. Di sini, suka saya menarik perhatian kepada kejayaan inisiatif bitara, Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014. Sesungguhnya kejayaan UTC merupakan pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada seluruh perkhidmatan awam yang telah berjaya merealisasikan pendekatan kolaborasi inovatif secara berkesan yakni dengan **meletakkan kepentingan rakyat pada keutamaan yang paling tinggi**. Saya menyeru penjawat awam untuk **berfikir secara holistik** dengan menghasilkan penciptaan-penciptaan yang tidak terbatas dalam ruang lingkup agensi semata-mata. Setiap inovasi yang dihasilkan haruslah berimpak tinggi yakni boleh diguna pakai oleh agensi lain serta memberi manfaat kepada rakyat dan negara.
10. Namun begitu, kita seharusnya sedar bahawa jalinan kerjasama ini bukan sahaja tersekat di sektor awam sahaja, malah **sektor awam**

digalakkan untuk mengadakan **musyawarah (engagement)** dan kerjasama yang erat dengan **pihak swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO)** dalam mewujudkan suasana dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

PENILAIAN PENARAFAN BINTANG DAN PENGKITIRAFAN FINALIS AIPM 2014

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam pada tahun ini buat pertama kalinya, turut menyaksikan pengiktirafan kecemerlangan agensi-agensi sektor awam yang telah berjaya memperoleh **5 Bintang dalam Penilaian Penarafan Bintang** bagi tahun sebelumnya **dan** penyampaian **sijil pengiktirafan kepada finalis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2014**.
12. Saya percaya **pendekatan Pembangunan Organisasi** (Organisational Development) yang menjadi asas kepada Penilaian Penarafan Bintang bukan sahaja merupakan kayu pengukur dalam menilai keberkesanan sesuatu organisasi malah turut mengukuhkan tadbir urus organisasi, serta memupuk budaya persaingan sihat dalam perkhidmatan awam secara amnya.
13. Agensi-agensi ini merangkumi sembilan buah Kementerian, enam buah Agensi Pusat dan Jabatan Utama, lima buah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan tiga buah Agensi Barisan Hadapan.

14. Sepertimana kita semua sedia maklum, finalis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2014 pula adalah:

- i. Kementerian Kewangan Malaysia;
- ii. Kerajaan Negeri Melaka & Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka;
- iii. Kementerian Kesihatan Malaysia;
- iv. Majlis Kanser Negara (MAKNA);
- v. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK);
- vi. Majlis Perbandaran Seberang Perai; **dan**
- vii. Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Anugerah Inovasi Sektor Awam merupakan anugerah peringkat kedua tertinggi dalam perkhidmatan awam yang **memfokuskan empat (4) bidang pengurusan yang kritikal** kepada jentera transformasi sektor awam iaitu:

- i. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- ii. Kewangan;
- iii. Pentadbiran Daerah dan Tanah; dan
- iv. Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

Namun, bagi tahun-tahun yang akan datang, **kategori-kategori anugerah** ini akan **dikaji semula** bagi memberi peluang kepada lebih banyak agensi untuk turut menyertai Anugerah Inovasi Sektor Awam seiring dengan perkembangan dan perubahan ekosistem inovasi sektor awam.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan urus setia yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam mengadili empat kategori anugerah yang dipertandingkan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), MAMPU dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
17. Ucapan tahniah juga ditujukan kepada finalis kedua-dua anugerah iaitu Anugerah Inovasi Perdana Menteri dan Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014 serta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak

langsung dalam menjayakan penganjuran Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014 pada tahun ini.

18. Akhir kata, diharapkan kejayaan dan semangat tinggi para finalis ini akan menjadi motivasi dan penyuntik semangat kepada kita semua untuk terus mengorak langkah dengan penuh iltizam bagi melestarikan inovasi dalam perkhidmatan awam. Marilah kita bersama-sama **Melestarikan Inovasi, Memartabatkan Transformasi**”

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.